

29/01/1999

PM tiba di Zurich untuk Forum WEF

Azizi Othman in Davos (Switzerland)

DAVOS (Switzerland), Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tiba di sini pagi ini bagi memenuhi undangan menghadiri mesyuarat tahunan Forum Ekonomi Sedunia (WEF) 1999, yang dijadual bermula esok.

Sejurus tiba dengan kereta api gunung di stesen Davos Dorf, tidak jauh dari pusat berlangsungnya WEF, Perdana Menteri dan rombongannya yang tiba di Zurich awal pagi ini, berangkat ke hotel penginapannya yang berdekatan.

Ketibaan Dr Mahathir tepat jam 9.45 pagi ini, disambut Penasihat Bank Negara, Datuk Nor Mohd Yakcop, kumpulan wartawan Malaysia serta asing yang membuat liputan WEF di bandar peranginan terkemuka ini.

Cuaca sejuk dan salji tebal sejak semalam yang hampir menjejaskan hubungan jalan raya ke sini, tidak menghalang sejumlah besar wartawan asing membuat liputan ketibaan Dr Mahathir.

Perdana Menteri yang dijangka berada di sini sehingga lusa akan mengikuti program khas Ketua Kerajaan dalam WEF membabitkan beberapa sesi perbincangan tertutup dengan kalangan pemimpin perniagaan terkemuka.

Bertemakan "Membentuk Agenda Sejagat", program Ketua Kerajaan dalam WEF itu antara lain bertujuan mewujudkan platform untuk pemimpin politik dan korporat berdialog mengenai pelbagai isu dan cabaran ekonomi mutakhir.

Esok, Dr Mahathir dijemput memberikan ucapan dalam satu majlis jamuan tengah hari yang dibuat sebagai sebahagian daripada program berkenaan di sebuah hotel dekat sini.

Selepas itu, Perdana Menteri akan menghadiri sesi tertutup Diskusi Ekonomi Sedunia (WEB), yang mempertemukan beliau dengan kumpulan tokoh perniagaan terkemuka bagi membincangkan isu berkaitan kepentingan bersama.

Ketika berada di sini, beliau juga dijangka mengadakan pertemuan dua hala dengan beberapa pemimpin negara lain yang turut menghadiri WEF kali ini dan tokoh korporat serta ekonomi.

Dr Mahathir turut mengambil kesempatan ketika berada di sini untuk menemui kumpulan masyarakat pelabur antarabangsa, terutama yang berpangkalan di Zurich, lusa. Perdana Menteri dijadualkan menamatkan lawatannya dengan berlepas pulang ke Kuala Lumpur dari Zurich pada tengah malam lusa dan dijangka tiba di tanah air keesokan harinya.

Program menyeluruh WEF kali ini, iaitu kali ke 29 diadakan diberi tema `Tanggungjawab Masyarakat Sejagat: Mengurus Impak Globalisasi` dijadual dihadiri 1,100 tokoh korporat, politik, teknologi dan kewangan terkemuka.

Selain globalisasi, isu utama yang dijangka menjadi tumpuan dalam WEF kali ini ialah keadaan ekonomi di Russia, Komanwel Negara Berdaulat (CIS), China dan yang terbaru, Brazil.

(END)